



**TEKS UCAPAN**  
**YM RAJA FARIDAH BINTI RAJA AHMAD**  
**PENGERUSI**  
**KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD**

**SEMPENA**  
**MAJLIS PERHIMPUNAN PETUGAS KUMPULAN KPF 2023**

**HARI : RABU**  
**TARIKH : 4 OKTOBER 2023/18 RABIULAWAL 1445H**  
**MASA : 8.30 - 11.00 PAGI**  
**TEMPAT : DEWAN MERAK KAYANGAN, BALAI FELDA**

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam sejahtera dan salam perpaduan.

Selawat dan Salam juga diucapkan kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

Terima kasih saudara pengacara majlis.

**Yang Dihormati Encik Razuwan bin Che Rose,**  
Setiausaha

**Yang Dihormati Encik Hasrin bin Ismail,**  
Bendahari

**Yang Berusaha Puan Sakinah binti Salleh,**  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

**Yang Dihormati Encik Zaffary bin Ab Rashid,**  
Pengarah Eksekutif Pelaburan dan Perniagaan

Ketua-Ketua Syarikat dan

seterusnya, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan inayah-Nya, kita dapat bersama berhimpun untuk kali kedua pada tahun ini dalam **Majlis Perhimpunan Petugas Kumpulan KPF**.
2. Terima kasih kepada pengurusan yang memberikan peluang kepada saya bertemu seluruh warga Kumpulan KPF.
3. Di sebalik cabaran berterusan, KPF masih gagah berdiri setanding dengan koperasi terbaik nasional.
4. Tidak terlewat rasanya untuk saya mengucapkan tahniah kepada KPF kerana **KPF** telah dipilih sebagai penerima **Anugerah Kategori Sektor Perladangan 2023 sempena Hari Koperasi Negara 2023** pada 30 Julai yang lalu.
5. Pengiktirafan ini adalah hasil daripada usaha semua pihak, termasuk barisan Lembaga, pengurusan dan warga petugas.

6. Terutamanya dengan sokongan semua anggota yang terus memberikan kepercayaan dan menyumbangkan tenaga dengan penuh komitmen dan dedikasi.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

7. Meskipun dalam keadaan sukar, saya pasti dalam apa juga keadaan, inisiatif tetap diambil dan usaha yang berterusan tetap dilaksanakan agar KPF terus relevan menjadi wadah simpanan serta pelaburan warga FELDA.
8. Hasil daripada ini, KPF masih memainkan peranan signifikan dalam gerakan koperasi negara.
9. Syabas saya ucapkan kepada semua.
10. Saya mengambil cakna, hampir semua petugas Kumpulan KPF ketika ini terutamanya petugas KPF di kaunter telah menerima rungutan berkaitan prestasi dividen dan kelewatan pembayaran penebusan syer.
11. Oleh itu, saya ingin mengambil peluang untuk menerangkan kepada semua petugas berkenaan perkara ini dan seterusnya menggariskan gambaran perancangan pelan tindakan untuk masa akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

12. Prestasi dividen ketika ini dilihat lebih kecil berbanding sebelum tahun 2015 atau lebih mudah difahami sebelum pelupusan Felda Holdings Berhad (FHB) disebabkan oleh beberapa faktor antaranya adalah:
  - i. Aset-aset pelaburan yang dimiliki selepas pelupusan ekuiti di dalam FHB yang dibuat antara tahun 2015 dan 2016 tidak menjana pulangan yang sepatutnya berbanding modal yang dilaburkan;
  - ii. Pulangan daripada anak syarikat FGV tidak lagi menjadi penyumbang utama susulan perubahan model perniagaannya; dan
  - iii. Sumbangan daripada syarikat Kumpulan KPF sangat minima.
13. Selain itu juga, rungutan berkaitan kelewatan pembayaran penebusan modal syer ketika ini pula adalah disebabkan oleh:
  - i. Berlaku ketidakseimbangan antara langganan atau pembelian syer berbanding penebusan atau jualan syer anggota bermula 2015 hingga

2020. Sehingga hari ini penebusan yang masih belum diselesaikan melebihi RM50 juta. Walau bagaimanapun, KPF telahpun merangka pelan strategi bagi mengatasi masalah ini dan dijangka dapat diselesaikan sehingga hujung tahun ini;

- ii. Tunai yang ada ini sepatutnya digunakan untuk aktiviti pelaburan tetapi telah digunakan untuk memenuhi tuntutan penebusan syer yang menyebabkan aktiviti pelaburan dan perniagaan KPF terkesan; dan
  - iii. Lanjutan daripada itu, aset-aset pelaburan yang ada perlu dicairkan bagi memenuhi tuntutan obligasi tersebut.
14. Dalam erti kata lain, sebahagian besar dana pelaburan yang telah dibuat sebelum ini tidak menepati keseimbangan alokasi aset strategik (*asset allocation strategic*) yang mampu menjana pulangan yang sepatutnya terutama untuk keperluan jangka panjang.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

15. Saya menyeru kepada semua petugas untuk sama-sama dalam menyokong, mengguna dan mempromosi produk dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh KPF dan syarikat Kumpulan seperti Pembiayaan, Takaful KPF Niaga, dan Ar-Rahnu amat penting dalam memastikan KPF terus dinamik dan mampan.
16. Keuntungan yang dijana melalui perniagaan-perniagaan ini secara langsung membantu memastikan syarikat memperoleh keuntungan dan sekali gus dapat memberi pulangan kepada kita semua.
17. Namun begitu, kejayaan koperasi tidak seharusnya diukur hanya melalui keupayaan dividen tahunan sahaja.
18. Ia perlu juga diukur daripada nilai tambah yang disumbangkan melalui aktiviti koperasi kepada anggota dan masyarakat, tadbir urus serta tanggungjawab sosial yang dilaksanakan.
19. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih atas sokongan padu yang diberikan oleh semua pihak yang berkepentingan khususnya kepada Pengurusan Tertinggi terhadap apa jua aktiviti yang dilaksanakan oleh Kumpulan KPF.
20. Oleh itu, saya berharap semua anggota Lembaga KPF, Lembaga Pengarah Syarikat, pengurusan dan warga kerja Kumpulan KPF akan terus beristiqamah

dan beriltizam untuk menjalankan tugas dan amanah yang diberikan dengan lebih cemerlang.

21. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah atas penganjuran '**Majlis Perhimpunan Petugas Kumpulan KPF 2023**' ini.
22. Sekali lagi, saya berharap agar kita bersama-sama berganding bahu dan bekerjasama untuk syarikat Kumpulan KPF terus berdaya maju serta mengekalkan KPF sebagai koperasi terbaik negara.

Wabillahi taufik walhidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.